

## SUMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM PERSATUAN ISLAM (PERSIS) DALAM IMPLEMENTASI PENDIDIKAN NASIONAL DI JAWA BARAT, INDONESIA

*Contribution of PERSIS on Islamic education in Implementation of National Education in West Java, Indonesia*

Undang bin Achjadilaga <sup>1</sup>  
Dr. Abdullah Yusof <sup>2</sup>

### ABSTRACT

*Islamic Association (PERSIS) Bandung is playing some roles in Islamic education. Although many studies in term of history of PERSIS or revitalization of Pesantren PERSIS have been done by previous scholars, but studies on the contribution PERSIS in implementation of Islamic Education in line with System of National Education are not significantly contribute yet. Therefore, the objective of this paper is to study the contribution PERSIS in implementation of Islamic education in Jawa Barat (West Java) Indonesia also to discuss any levels of Islamic Education. The case study selected for this paper is PERSIS Bandung, Jawa Barat (West Java). This study is using a qualitative data from many documents as a secondary data and an interview of main sources as a primary data. The method of thematic analysis was used to analyzed the data collected. Through this method, the themes of the contribution of PERSIS in implementation of Islamic education in West Java was discussed objectively. The conclusion from this current study found that Islamic education in PERSIS has contributed significantly and has some efforts, mainly in developing institution Pesantren PERSIS from time to time.*

**Keyword:** *Contribution, PERSIS, Keselarasan, Pesantren PERSIS, Islamic education, national education.*

### ABSTRAK

*Pertubuhan Persatuan Islam Bandung memainkan usaha penting dalam pelaksanaan pendidikan Islam. Walaupun banyak kajian telah dilakukan oleh para penyelidik terdahulu sama ada berkaitan sejarah PERSIS, pembaharuan pendidikan PERSIS mahupun Pendidikan Pesantren PERSIS, akan tetapi kajian mengenai sumbangan PERSIS dalam pelaksanaan Pendidikan Pendidikan Nasional masih sedikit. Justeru itu, kertas ini akan mendiskusikan tiga perkara, (1) mengkaji keselarasan Pendidikan Islam PERSIS dengan Pendidikan Nasional. (2) menghuraikan implementasi Pendidikan Islam PERSIS sama ada pada tahap pendidikan rendah mahupun pada tahap pendidikan menengah. (3) menghuraikan sumbangan Pendidikan PERSIS dalam implementasi Pendidikan Nasional. Kertas ini merupakan kajian kualitatif dan lapangan yang mana*

<sup>1</sup> Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.  
e-mail: [undangnor@gmail.com](mailto:undangnor@gmail.com)

<sup>2</sup> Pensaroh Kanan dan Penyelia Calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, University Malaya.

*menggunakan data dari dokumen dan lapangan sebagai rujukan utama. Kajian ini menggunakan metode analisis tematik. Melalui metode ini, tema mengenai sumbangan PERSIS dibincangkan secara keseluruhan. Kesimpulannya didapati bahawa PERSIS melakukan sumbangan dalam tiga perkara penting dalam pelaksanaan Pendidikan Islam di Bandung, Jawa Barat, iaitu semuanya berkaitan dalam bidang pendidikan di ketiga-tiga peringkat (1) pendidikan tahap rendah, (2) pendidikan tahap menengah rendah dan (3) pendidikan tahap menengah atas. Lembaga pendidikan Islam yang dikelola PERSIS memberikan sumbangannya melalui pelaksanaan institusi \Pendidikan Islam yang mana mengadunkan model tradisional dan moden.*

Kata Kunci: *Sumbangan, PERSIS, Keselarasan, Pesantren PERSIS, Pendidikan Nasional.*

## **Pendahuluan**

Penyelidikan ini menumpukan kajian pada aspek pendidikan dan sumbangan institusi pendidikan Islam PERSIS di Bandung, Jawa Barat. Utamanya sumbangan dalam bidang institusi pendidikan Islam. Dengan kajian ini, pengkaji akan mendapat maklumat berkait dengan Sistem Pendidikan PERSIS Bandung dan sumbangannya dalam implementasi Sistem Pendidikan Nasional. Kajian ini akan berguna bagi sekurang kurangnya tiga hingga empat kelompok masyarakat iaitu untuk kalangan akademik dan penggiat institusi pendidikan, para pengamal pendidikan termasuklah para pensyarah dan para guru. Selain itu, ia juga berguna bagi para penyelidik serta untuk kalangan masyarakat ahli PERSIS pada khasnya.

## **Keselarasan Institusi Pendidikan PERSIS dengan Pendidikan Nasional**

Tatanama (*nomenclature*) daripada lembaga pendidikan khas agama Islam sedia ada adalah Perguruan Agama Islam. Seperti mana sedia maklum bahawa ia diletakkan dalam nama suatu jabatan di Kementerian Agama Republik Indonesia. Selari dengan dikuatkuasakan Undang-Undang No. 2/1989, maka nama jabatan itu telah ditukar kepada Lembaga Pendidikan Keagamaan. Bagi menggantikan jabatan Perguruan Agama Islam. Pertukaran nama itu disusuli dengan pertukaran jabatan baru iaitu Lembaga Pendidikan Keagamaan Islam.

Akan tetapi, pertukaran nama memberi kesan pengecutan terhadap makna sebenar yang dimaksudkan seperti mana sebelumnya. Sebelum Undang-Undang No. 2/1989 diperkenalkan maka Taman Kanak-kanak Islam (*Raudhat al Athafal/Bustan al Athafal*), Madrasah Ibtidaiyah, Madrasah Tsanawiyah dan Madrasah Aliyah termasuk dalam kategori pendidikan formal. Sedangkan Pondok Pesantren dan Madrasah Diniyyah termasuk kategori pendidikan bukan secara formal. Kedua-dua lembaga pendidikan tersebut sama ada pendidikan formal mahupun bukan secara formal ini pada awalnya termasuk dalam kategori Perguruan Agama Islam.<sup>3</sup> Selanjutnya, Undang-Undang No. 2 Tahun 1989, Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional disusuli dengan pelbagai Peraturan Pemerintah (disingkat PP) yang berkait dengan pendidikan iaitu: (1) Peraturan Pemerintah No. 27 Tahun 1990 tentang pendidikan Prasekolah. (2) Peraturan Pemerintah No. 28 Tahun 1990 tentang pendidikan

---

<sup>3</sup> Ahmad Ludjito (1998), *Pendidikan Agama Islam Sebagai Subsistem Dan Implementasinya Dalam Pendidikan Nasional* di dalam *PBM-PAI di Sekolah*, Semarang: Fakulti Tarbiyah IAIN Walisongo Semarang bekerja sama dengan Penerbit Pustaka Pelajar Yogyakarta: h. 18.

Dasar. (3) Peraturan Pemerintah No. 29 Tahun 1990 tentang Pendidikan Menengah. (4) Peraturan Pemerintah No. 30 Tahun 1990 tentang Pendidikan Tinggi.

Peraturan ini sekarang telah ditukar/dipinda menjadi Peraturan Pemerintah No. 60 Tahun 1999. (5) Peraturan pemerintah No. 72 Tahun 1991 tentang Pendidikan Luar Biasa (pendidikan bagi anak-anak istimewa). (6) Peraturan Pemerintah No. 73 Tahun 1991 tentang Pendidikan Luar Sekolah. (7) Peraturan Pemerintah No. 38 Tahun 1992 tentang Tenaga Kependidikan. (8) Peraturan Pemerintah No. 39 Tahun 1992 tentang peran serta Masyarakat dalam Pendidikan Nasional. Selanjutnya, penguatan Undang-Undang No. 2 Tahun 1989 membawa akibat logik kepada perubahan terhadap beberapa lembaga Pendidikan Dasar dan Menengah. Perubahan itu antaranya:

- a. Taman Kanak-Kanak bertukar daripada pendidikan pra-sekolah menjadi pendidikan aliran luar sekolah.
- b. Madrasah Ibtidaiyah, Madrasah Tsanawiyah, Madrasah Aliyah telah bertukar daripada aliran pendidikan bukan secara formal menjadi aliran pendidikan sekolah/formal.
- c. Penguatan Peraturan Pemerintah Nomor 28 Tahun 1990 dan Nomor 29/1990 (sebagai pelaksanaan UU No. 2/1989 diperkuatkan lagi oleh Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan (S.K. Mendikbud)<sup>4</sup> No. 0487/U/1989 dan No. 0489/U/1992 dan juga No. 054/U/1993 maka kedudukan Madrasah Ibtidaiyah telah pun bertukar menjadi Sekolah Dasar (SD) yang bercirikan khas Agama Islam yang diselenggarakan oleh Kementerian Agama. Demikian pula halnya dengan Madrasah Tsanawiyah dan Madrasah Aliyah masing-masing telah bertukar menjadi Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) dan Sekolah Menengah Umum (SMU) yang bercirikan khas Agama Islam dan diselenggarakan oleh Kementerian Agama. Selanjutnya diperkuatkan lagi bahawa Madrasah Ibtidaiyah wajib memberikan bahan pengajaran sekurang-kurangnya setara dengan Sekolah Dasar/Sekolah Rendah selain bahan pengajaran lain yang perlu diajarkan berdasarkan pada piawaian ketentuan peraturan sedia ada iaitu Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan No. 0487/1992 fasal 19.

Demikian pula halnya dengan Madrasah Tsanawiyah dan Madrasah Aliyah kedua-duanya wajib mengajarkan bahan pengajaran sekurang-kurangnya mengikut piawaian bahan pengajaran bagi Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) dan Sekolah Menengah Umum (SMU) aliran umum/ sekular. Selain itu, pula perlu diberikan bahan/sukatan pengajaran lain sama ada di Madrasah Tsanawiyah maupun Madrasah Aliyah sepetimana dikehendaki di dalam Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan No. 054/U/1993 fasal 20 dan Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan No. 0489/U/1992 fasal 20.<sup>5</sup>

Dengan demikian, setelah berlaku pertukaran menjadi aliran sekolah bercirikan khas agama Islam, maka apa yang dinamakan sebagai Perguruan Agama Islam dalam pengertian Perguruan Tradisional membawa maksud kepada Pendidikan Keagamaan (Islam) dan ia hanya wujud pada satu jenjang iaitu Jenjang Pendidikan Menengah. Menurut Peraturan Pemerintah No. 29/1990 fasal 3 ayat 3 menyatakan bahawa Pendidikan Menengah Keagamaan memberi keutamaan kepada persiapan pelajar dalam penguasaan pengetahuan khusus tentang ajaran agama yang berkaitan.

---

<sup>4</sup> SK Mendikbud adalah kependekan dari Surat Keputusan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan.

<sup>5</sup> Ibid., h. 19.

Selanjutnya, fasal 4 ayat 3 menyatakan bahawa penamaan Sekolah Menengah Keagamaan dibuat ketetapan oleh Menteri Agama dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan setelah mendengarkan pertimbangan. Sekolah seumpama seperti mana yang dikehendaki dalam Peraturan Pemerintah itu diwujudkan dalam bentuk Madrasah Aliyah Program Khusus (MAPK).<sup>6</sup>

Dengan mengambil kira pada pertimbangan bilangan jam pengajaran di MAPK maka pelajaran akademik/sekular diajarkan 65% dan jam pengajaran ilmu agama 35%. MAPK ini sememangnya merupakan pengembangan dari program ilmu-ilmu agama/aliran ilmu-ilmu agama Islam pada Madrasah Aliyah dengan nisbah antara kurikulum pelajaran agama dengan umum adalah 98:142 atau setara dengan 41%: 59%. Kerana lepasan daripada Madrasah Aliyah ini kurang berkebolehmampuan memasuki Perguruan Tinggi Agama Islam Awam maka kemudian dikembangkan menjadi pola MAPK.

Berdasarkan pada huraian di atas, maka pada masa sekarang MAPK adalah satu-satunya Sekolah Menengah Keagamaan Islam yang tulen dan terbuka bagi masyarakat bagi ikut berperanan serta merintis penubuhannya. Dalam perkembangan selanjutnya, kedudukan lembaga Pendidikan Islam diperkuuhkan lagi dengan Undang-Undang No. 20 Tahun 2003. Kemudian diperkuuhkan lagi dengan penguatkuasaan Undang-Undang No. 14 Tahun 2005 tentang Guru dan Pensyarah.<sup>7</sup>

Bagi tujuan memartabatkan lembaga Pendidikan Islam selari dengan lembaga Pendidikan Aliran Umum/Sekular terutama dari segi kualiti dan segi keselarasan, maka kerajaan memperkuuhkan lagi dengan Peraturan pemerintah (PP) No. 19 Tahun 2005 tentang Piawaian Nasional Pendidikan (Pedoman Pendidikan Nasional). Oleh sebab Peraturan Pemerintah ini, maka kedudukan lembaga Pendidikan Islam semakin kukuh dan selaras dengan lembaga pendidikan awam lainnya.

Berdasarkan pada huraian di atas maka lembaga pendidikan Islam PERSIS memiliki keselarasan nyata dengan lembaga pendidikan awam, memiliki kesempatan yang sangat terbuka untuk ikut memainkan peranan dan sumbangannya melalui bidang pendidikan Islam bercirikan khas agama Islam sama ada peranan dan sumbangan kepada masyarakat mahupun kepada negara. Bagi tujuan merespon kehendak dan matlamat Pendidikan Nasional, maka Pimpinan Pusat PERSIS melalui Seksyen Bidang Pendidikan menetapkan beberapa peraturan berkenaan aliran pendidikan di bawah pengurusan lembaga Pendidikan PERSIS. Peraturan itu dikenali dengan Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS.<sup>8</sup>

Dalam bab VI bahagian ke dua fasal 10 menyatakan bahawa aliran Pendidikan PERSIS adalah aliran Pendidikan Pesantren, aliran Pendidikan Sekolah, dan aliran Pendidikan Luar Sekolah.<sup>9</sup> Dengan wujudnya peraturan tersebut, maka lembaga Pendidikan Islam PERSIS memiliki keselarasan dengan Sistem Pendidikan Nasional.

## **Keperluan Melakukan Pembaharuan Pemikiran Melalui Pendidikan Islam**

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 19.

<sup>7</sup> Ramli Gultom (2008), *Kepimpinan Transformatif Berbasis Mutu Pendidikan*, Medan: USU Press, h. 56 dan h. 93.

<sup>8</sup> Peraturan itu kenali sebagai Pedoman Sistem Pendidikan Persatuan Islam. Pedoman itu terdiri dari dua puluh bab dan mengandungi 34 fasal. Pedoman ini merupakan repleksi nyata PERSIS dalam bidang pendidikan Islam bagi tujuan ikut mendidik warga masyarakat.

<sup>9</sup> *Pedoman Jamiyyah PERSIS* (2002), Pimpinan Pusat Persatuan Islam, Bandung: PERSIS Press, h. 53.

Berdasarkan pada dasar pemikiran atau falsafah penubuhan PERSIS, maka kedudukan PERSIS secara amnya di dalam masyarakat adalah sebagai penggerak kepada perubahan pemikiran keagamaan. Terutama perubahan pembaharuan yang membawa pengertian kepada pemurnian, penyebaran dan pengajaran ajaran Islam. Metodologi pembaharuan dalam pemikiran Islam perlu dibangunkan atas dasar postulat-postulat bahawa pembaharuan pemikiran merupakan usaha bagi memahami Islam dari kedua-dua sumbernya, al-Qur'an dan as-Sunah tanpa mengetepikan terhadap khazanah sosial budaya tempatan, bahawa pembaharuan pemikiran dimaksudkan untuk menerapkan ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat tanpa mengabaikan hakikat sosial budaya sedia ada, dan bahawa pembaharuan pemikiran itu bagi tujuan membangunkan satu tamadun baru yang ditegakkan atas dasar sintesis nilai ideal Islam dan sosial budaya tempatan tanpa menolak ke tepi al-Qur'an dan as-Sunnah.<sup>10</sup>

Pada awal period moden, pemikiran pembaharuan yang terhasil daripada PERSIS adalah berdasarkan pada lima aspek iaitu pertama; berdasarkan pada aspek pemerhatian ke atas umat Islam. Pemikiran ini sememangnya merupakan pemikiran dari Muhammad bin Abdul Wahab (1703-1787 M). Kefahaman tauhid, menurut Abdul Wahab telah diselewengkan oleh ajaran tarekat dan animism. Ajaran tarekat mengajarkan cara berdoa menggunakan cara wasilah/perantaraan pertolongan daripada wali-wali dan guru-guru mereka. Padahal berdoa tidak demikian halnya.

Sedangkan ajaran animism mempercayai bahawa pokok, batu dan lain-lain mempunyai kekuatan ghaib. Oleh kerana itu, akhirnya manusia meletakkan kepercayaan yang menyeleweng maka mereka kemudian berdoa dan meminta pertolongan kepada benda-benda tersebut. Padahal dari sisi akidah Islam perbuatan tersebut adalah nyata perbuatan syirik. Kedua dua hal tadi menurut Muhammad Abdul Wahab telah ikut menyumbang kepada kemunduran/kejumudan umat Islam. Bagi tujuan mengembalikan agama Islam kepada kemurniannya dia berpendapat bahawa pertama; hanya al-Quran dan al-Sunah merupakan sumber sebenar ajaran Islam. Kedua; pendapat para ulama tidak bisa dijadikan sebagai sumber ajaran Islam.

Ketiga; memohon doa kepada Allah s.w.t melalui sebarang perantara para wali, syeikh dan guru atau benda tertentu adalah termasuk syirik kerana Allah s.w.t tidak berhajat kepada perantara. Keempat; Perbuatan taklid kepada para ulama adalah tidak dibenarkan. Kerana ulama adalah manusia yang tidak maksum/terpelihara daripada jatuh melakukan kesilapan. Keenam; Pintu ijтиhad masih terbuka.<sup>11</sup> Kedua; berdasarkan pada aspek pemikiran yang terhasil daripada melakukan hubungan umat Islam dengan umat lainnya. Pemikiran ini dipelopori oleh kedua dua tokoh utama iaitu Jamaluddin al-Afghani (1839-1897 M) dan Muhammad Abduh (1849-1905 M). Jamaluddin berpendapat bahawa kemunduran umat Islam berpunca daripada pertama; silap dalam kefahaman masalah qadha dan qadar. Qadha dan qadar telah diselewengkan dengan pengertian fatalism. Oleh itu kefahaman ini mesti diluruskan bahawa segala sesuatu yang berlaku adalah wujud sebab-sebabnya. Kedua; sistem pemerintahan dalam negara Islam melakukan sistem kuasa absolute/mutlak. Oleh sebab itu sistem pemerintahan di negara Islam harus mengamalkan sifat kekuasaan demokratik. Ketiga; berlaku perpecahan di dalam kalangan umat Islam. Oleh sebab itu umat Islam mesti mewujudkan persatuan di kalangan umat. Mengikut pandangan Muhammad Abduh bahawa kelemahan umat Islam berpunca daripada kefahaman jumud yang membawa pengertian kefahaman yang beku, statik dan tidak berlaku sebarang perubahan. Antara punca kefahaman

<sup>10</sup> Uyun Kamiluddin (2006), *Menyorot Ijtihad PERSIS*, Bandung: Tafakur, anggota IKAPI, h. 65.

<sup>11</sup> *Ibid*, h. 65.

jumud ini adalah tabikh/hormat yang melampau ke atas para syeikh dan para wali, kepatuhan yang tidak rasional kepada para ulama, iaitu sikap taklid dan sikap penyerahan sepenuhnya ke atas perkara yang berlaku sebagai bahagian dari qadha dan qadar. Oleh kerana itu, bagi tujuan mengembalikan ajaran Islam kepada asalnya maka Muhammad Abdur menyerukan agar umat Islam kembali kepada ajaran Islam sebagaimana telah diamalkan oleh kalangan salaf iaitu zaman para sahabat dan ulama-ulama besar.

Berkenaan dengan qadha dan qadar dia berpendapat bahawa fahaman tersebut sememangnya pada masa para sahabat tidak demikian. Para sahabat tidak menjadi orang yang fatalism akan tetapi justeru menjadi orang yang dinamik. Di samping itu, umat Islam tidak boleh bertaklid melainkan wajib melakukan kerja ijтиhad dengan cara merujuk langsung kepada sumber al-Qur'an dan al-Hadis bagi mereka yang punya autoriti/kewenangan dalam perkara itu. Sedangkan bagi mereka yang tidak boleh melakukan ijтиhad maka hendaklah mereka itu mengikuti hasil ijтиhad seorang mujtahid. Dia juga menggalakkan agar madrasah agama diajarkan ilmu pengetahuan umum/ilmu aliran sekular dan di madrasah umum aliran ilmu sekular mula diajarkan ilmu agama.<sup>12</sup> Ketiga; menjawab cabaran kebudayaan semasa yang mana bukan datang daripada Islam. Seperti mana umat Islam di belahan negara lain, umat Islam Indonesia memberikan tanggapan yang berbeza ke atas cabaran yang berlaku. Pertama; kelompok yang menjawab cabaran dengan mengambil contoh atau meniru cara pandang dari kalangan sekular Barat dan berusaha menempatkan agama pada wilayah keyakinan dan ibadah formal. Agama dipandang sebagai persendirian dan sekadar masalah etika dalam masyarakat dan kerajaan. Kedua; kelompok yang mengenal pasti diri mereka dengan nilai-nilai agama asal Asia Tenggara dan dengan hukum adat resam tempatan serta membentuk pola keyakinan peribadatan Islam mengikut iktikad/pendirian mereka. Ketiga; kelompok atau kalangan yang mengenal pasti diri mereka dengan peribadatan dan hukum/fiqh Islam mengikut kepada fiqh di Timur Tengah tradisional akan tetapi berusaha agar budaya tempatan dan pemikiran moden sesuai dengan pendirian mereka. Pendirian ketiga ini terutama dari aspek pendirian tentang hukum/fiqh Islam dipegang oleh PERSIS dan juga pertubuhan Muhammadiyah, Sarekat Islam dan lain-lain. Keempat; memegang teguh keyakinan dan amalan Islam seperti mana yang telah dicontohkan oleh penghulu kita, Muhammad s.a.w. dan kelima; menyesuaikan diri (adaptasi) dengan pemikiran dan teknologi moden semasa.

Berkenaan dengan perbincangan mengenai kedudukan lembaga pendidikan Islam, maka lembaga pendidikan Islam PERSIS merupakan lembaga yang berdiri secara berdikari dan mandiri. Penubuhan lembaga tersebut sejak awal lagi diasaskan dan ditaja oleh ahli-ahli organisasi secara bergotong royong. Adapun sumber pembiayaan bagi menjayakan projek pembangunan sarana pendidikan berasal dari sumbangan ahli-ahli PERSIS, sumbangan bukan ahli PERSIS tetapi ikut berperanan aktif dalam kegiatan dakwah PERSIS, orang tua murid/ santri atau sumber lain yang tidak mengikat dengan perjanjian tertentu. Sumbangan berupa tanah wakaf, wang tunai, wang zakat, wang infak dan wang shadaqah. Secara struktural dalaman organisasi, maka lembaga pendidikan PERSIS berada di bawah kendali dan pengurusan Bidang Tarbiyah Pimpinan Pusat PERSIS- selanjutnya disebut PP. PERSIS.<sup>13</sup> Sepertimana di dalam Qanun Asasi Qanun Dakhili 2005 Bab IV fasal 9 ayat 1 dan 2 menyatakan bahawa pendidikan dalam organisasi PERSIS terletak di bawah tugas dan

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 65.

<sup>13</sup> Sumber diambil dari temu bual dengan Ustaz Gun gun Abdul Basit salah seorang Ahli Jawatankuasa Pimpinan Daerah Persatuan Islam Garut pada 3 Desember 2017.

wewenang PP. PERSIS Bidang Tarbiyah. Bidang Tarbiyah membantu Ketua Umum PP. PERSIS melaksanakan tugas-tugas jamiyyah di dalam bidang tarbiyah yang merangkumi dakwah, pendidikan, ibadah haji. Selanjutnya pada fasal 2 menyatakan bahawa tugas bidang Tarbiyah adalah memimpin dan melakukan koordinasi dengan seksyen-seksyen terletak di bawahnya. Terdapat empat seksyen di bawah kendali Bidang Tarbiyah iaitu pertama; Seksyen Pendidikan Dasar dan Menengah selanjutnya disingkat menjadi Dikdasmen. Kedua; Seksyen Pendidikan Tinggi selanjutnya disingkat menjadi Dikt. Ketiga; Seksyen Dakwah dan kelima; Seksyen Bimbingan Ibadah Haji dan Umrah.<sup>14</sup>

Akan tetapi, Bidang Tarbiyah Pimpinan Pusat PERSIS dalam memainkan peranannya sebagai pengendali dan pengelola lembaga pendidikan Islam tertakluk kepada peraturan pemerintah yang mana lembaga pendidikan Islam merupakan bahagian daripada kerangka struktur Pendidikan Nasional. Oleh kerana itu, maka secara struktural ia berada di bawah kendali dan pembinaan sama ada Kementerian Agama mahupun Kementerian Pendidikan Nasional. Melalui Direktorat Pembinaan Perguruan Agama Islam, kerajaan Indonesia memberikan tugas bagi membina perguruan-perguruan Islam yang mencakupi pesantren dan madrasah sama ada status sekolah awam mahupun swasta. Pembinaan merangkumi aspek guru, kurikulum, dan lain-lain. Lembaga Pendidikan Islam PERSIS merangkumi perguruan Pendidikan Kanak-Kanak, Pendidikan Dasar, Pendidikan Menengah dan Pendidikan Tinggi.<sup>15</sup>

### **Sumbangan PERSIS dalam Pelaksanaan Pendidikan Dasar**

Pendidikan Dasar di PERSIS adalah Pendidikan Pesantren atau Pendidikan Sekolah dengan tempoh masa belajar selama 9 tahun. Tempoh masa belajar selama 6 tahun di peringkat dasar/rendah dan tempoh masa belajar selama 3 tahun di peringkat menengah rendah. Tahapan Pendidikan Ibitidaiyah, Sekolah Rendah dan Sekolah Rendah Islam Terpadu adalah lembaga pendidikan pada peringkat rendah. Sedangkan Tsanawiyah, Diniyah Wustha dan Sekolah Menengah Pertama adalah lembaga pendidikan pada peringkat rendah lanjutan atau menengah pertama. Lembaga Pendidikan Dasar PERSIS pada masa sekarang terdiri daripada pendidikan dasar pesantren dan pendidikan dasar sekolah. Seperti mana ditunjukkan di dalam Pedoman 2006 menyatakan bahawa pendidikan dasar pesantren dan sekolah di lembaga pendidikan PERSIS meliputi unit pendidikan Ibtidaiyah, Diniyah Ula, Tajhiziyah, Tsanawiyah, Diniyah Wustha, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Pertama dan bentuk lainnya yang ditetapkan oleh Bidang Tarbiyah PP. PERSIS.<sup>16</sup>

### **Sumbangan PERSIS dalam Pelaksanaan Pendidikan Menengah**

Surat pekeliling yang diterbitkan Pimpinan Pusat PERSIS -selanjutnya disingkat PP. PERSIS. Surat PP.PERSIS No. 1418/K-C.3/PP/2008 menyatakan bahawa pendidikan menengah PERSIS adalah pendidikan yang diselenggarakan pada Pendidikan Pesantren dan Pendidikan Sekolah bagi lulusan pendidikan dasar jenjang pendidikan lanjutan peringkat pertama. Kenyataan ini dikukuhkan lagi di dalam Pedoman 2006 bahawa pendidikan menengah pada aliran/jenis pesantren meliputi bentuk unit pendidikan muallimin. Sedangkan pada aliran/jenis sekolah meliputi unit pendidikan Sekolah Menengah Atas (SMA), Sekolah Menengah Umum (SMU), Aliyah, Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) dan bentuk unit lain yang ditetapkan oleh bidang Tarbiyah Pimpinan Pusat PERSIS. Selain itu, bentuk unit pendidikan muallimin terdiri dari empat program iaitu ilmu agama, ilmu pengetahuan alam (sains), ilmu pengetahuan sosial (sains sosial) dan bahasa. Manakala unit pendidikan Sekolah

<sup>14</sup> PP. Persatuan Islam, *Qanun Asasi Qanun Dakhili* 2005, h. 131-132.

<sup>15</sup> Berdasarkan hasil dari temu bual dengan Ustaz Gun gun Abdul Basit di Garut pada 2 Desember 2017.

<sup>16</sup> Tim Perumus Pedoman, *Pedoman 2006*, Bab VII Pasal 19 ayat 3 dan 4 h. 6.

Menengah Atas (SMA) terdiri dari empat program iaitu kejuruan/vokasional, ilmu pengetahuan alam/ sains, ilmu pengetahuan sosial/sains sosial dan bahasa. Lembaga pendidikan Islam PERSIS terdiri dari jenis lembaga pendidikan pesantren aliran keagamaan iaitu unit muallimin dan jenis lembaga pendidikan sekolah aliran sekular (umum) iaitu unit Madrasah Aliyah (MA), Sekolah menengah Atas/Sekolah Menengah Umum (SMA/SMU) dan Sekolah Menengah Kejuruan/vokasional (SMK). Berikut pengkaji tunjukkan gambar rajah di bawah ini :

**Carta 1**

No	Pendidikan Aliran Pesantren	No	Pendidikan Aliran Sekolah	No	Pendidikan Luar Pesantren dan Luar Sekolah
<b>1</b>	<b>Pendidikan Mu'allimin</b>	<b>1</b>	<b>Pendidikan Sekolah Menengah Umum (SMU)</b>	<b>1</b>	Keluarga
a.	Ilmu Agama Islam	a.	Kejuruan	2	Kelompok Belajar
b.	Ilmu Sains	b.	Ilmu Sains	3	Kursus
c.	Ilmu Sosial	c.	Sains Sosial	4	Pengajian
d.	Bahasa	d.	Bahasa	5	Tauhid
		<b>2</b>	<b>Pendidikan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK)</b>	<b>6</b>	Pendidikan Sejenis
		<b>3</b>	<b>Pendidikan Aliyah</b>		
		a.	Ilmu Agama Islam		
		b.	Ilmu Sains		
		c.	Ilmu Sosial		
		d.	Bahasa		

*Sumber : Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS 2002.*

Kedua dua jenis lembaga pendidikan Islam PERSIS di atas merupakan bentuk perubahan berdasarkan pada evaluasi yang dilakukan oleh PP. PERSIS dari semasa ke semasa bagi tujuan upaya melakukan penyesuaian, penyempurnaan, pengembangan dan penambahbaikan lembaga pendidikan Islam dengan cabaran dan keperluan semasa. Berbeza dengan masa sebelum berlaku perubahan. Pada masa dahulu lembaga pendidikan Islam PERSIS peringkat menengah hanya menyelenggarakan jenis pendidikan mua'llimin sahaja. Terdiri dari empat program iaitu program pekhususan ilmu agama, ilmu pengetahuan alam/sains, ilmu pengetahuan sosial/sains sosial dan bahasa.

### **Jenis-jenis Pendidikan Menengah Pendidikan PERSIS**

Jenis pendidikan diertikan sebagai kumpulan (*cluster*) pendidikan pengkhususan bagi satu tujuan pendidikan merangkumi pendidikan sekular/umum, pendidikan kejuruan, pendidikan akademik, pendidikan profesion, pendidikan vokasional, pendidikan keagamaan dan pendidikan khas.<sup>17</sup> Lembaga pendidikan Islam PERSIS membahagi kumpulan pendidikan itu ke dalam empat jenis iaitu (1) Jenis pendidikan keagamaan iaitu jenis pendidikan yang mempersiapkan murid/santri boleh menjalankan peranan.(2) Jenis pendidikan

<sup>17</sup> Nuansa Aulia (t.t) *Hmpunan Perundang-undangan*, h.10-15.

umum/sekular. (3) Jenis pendidikan kejuruan dan (4) jenis kejuruan bidang bahasa. Selanjutnya, di bawah ini pengkaji kemukakan carta aliran pendidikan di lembaga Pendidikan Islam PERSIS:

**Carta 2**

1	Program Sekolah Menengah Umum			
	Ilmu Pengetahuan Sosial	Ilmu Pengetahuan Alam	Kejuruan	Bahasa
A.	<b>al-'Ulum al-Syari'ah</b>	<b>al-'Ulum al-Syari'ah</b>	<b>al-'Ulum al-Syari'ah</b>	<b>al-'Ulum al-Syari'ah</b>
1	al-Qur'an	al-Qur'an	al-Qur'an	al-Qur'an
2	al-Hadits	al-Hadits	al-Hadits	al-Hadits
3	Tauhid	Tauhid	Tauhid	Tauhid
4	Akhlaq	Akhlaq	Akhlaq	Akhlaq
5	Syari'ah	Syari'ah	Syari'ah	Syari'ah
6	Siyasah Nabawiah	Siyasah Nabawiah	Siyasah Nabawiah	Siyasah Nabawiah
B.	<b>al-'Ulum al-Insaniah</b>	<b>al-'Ulum al-Insaniah</b>	<b>al-'Ulum al-Insaniah</b>	<b>al-'Ulum al-Insaniah</b>
1	Bahasa Arab	Bahasa Arab	Bahasa Arab	Bahasa Arab
2	Bahasa dan Sastra Indonesia	Bahasa dan Sastra Indonesia	Bahasa dan Sastra Indonesia	Bahasa dan Sastra Indonesia
3	Bahasa Inggris	Bahasa Inggris	Bahasa Inggris	Bahasa Inggris
4	PKN-Sejarah	PKN-Sejarah	PKN-Sejarah	PKN-Sejarah
5	KePERSISan	KePERSISan	KePERSISan	KePERSISan
6	Sosiologi		Wirausaha Sosial Terpadu	Antropologi
7	Geografi		Keilmuan Keahlilan	Bahasa Asing Lain
8			Karya Keahlilan	
C.	<b>al-'Ulum al-Kauniah</b>	<b>al-'Ulum al-Kauniah</b>	<b>al-'Ulum al-Kauniah</b>	<b>al-'Ulum al-Kauniah</b>
1	Matematik-Astronomi	Matematik-Astronomi	Matematik-Astronomi	Matematik-Astronomi
2	Sains Sosial Terpadu	Sains Sosial Terpadu	Sains Sosial Terpadu	Sains Sosial Terpadu
3	Pendidikan Jasmani	Pendidikan Jasmani	Pendidikan Jasmani	Pendidikan Jasmani
4	Pendidikan Seni Keterampilan	Pendidikan Seni Keterampilan	Pendidikan Seni Keterampilan	Pendidikan Seni Keterampilan
5	Ekonomi			

Sumber : Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS, 2002.

### **Sumbangan Pendidikan PERSIS dalam Implementasi Pendidikan Nasional**

Sumbangan Institusi Pendidikan Islam PERSIS dalam Sistem Pendidikan Nasional. Kajian ini dijalankan di Jawa Barat. Penghuraian bermula dengan pembahasan mengenai Sistem Pendidikan Nasional, kedudukan agama Islam dalam Sistem Pendidikan Nasional di negara

Indonesia. Selain itu, penghuraian juga dibuat ke atas sistem yang diimplementasikan di dalam lembaga pendidikan Islam PERSIS, bentuk lembaga pendidikan Islam PERSIS sama ada bentuk lembaga pendidikan dasar maupun lembaga pendidikan menengah. Fakta di lapangan menunjukkan bahawa wujud pertumbuhan dan perkembangan aktiviti pendidikan di institusi Pendidikan PERSIS.

Sementara itu, negara dalam falsafah pendidikan negara menjadikan pendidikan sebagai salah satu tunjang bagi menjayakan pembangunan negara bangsa. Justeru itu, untuk menjayakan pembangunan negara maka lembaga pendidikan Islam PERSIS ikut serta mengambil bahagian menerusi bidang pendidikan sebagai salah satu elemen penting dalam pembangunan sumber daya insaniah. Pembangunan sumber daya insaniah berkaitan dengan proses membangunkan warganegara yang salih, baik, mandiri, bertanggungjawab dan bertakwa ke Tuhan Yang Maha Esa. Bagi menjayakan program itu, negara pada hakikatnya tidak bisa bekerja sendiri. Negara perlu kepada elemen masyarakat sebagai enjin pemangkin pembangunan. Bagi tujuan memperkuuhkan huraihan ini, pengkaji juga perlu membahas mengenai aktiviti pendidikan yang mana berlangsung di institusi Pendidikan PERSIS. Dengan demikian, penilaian terhadap sumbangan lembaga pendidikan Islam PERSIS sama ada dalam peringkat lembaga pendidikan Islam di Jawa Barat maupun dalam Sistem Pendidikan Nasional dapat dibuat secara wajar seimbang.

Dalam Undang-Undang Republik Indonesia (UU RI) No. 20 tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional fasal 1 ayat 1 menyatakan bahawa pendidikan adalah usaha secara sedar dan terencana untuk mewujudkan persekitaran belajar dan proses pembelajaran agar supaya pelajar secara aktif mengembangkan potensi dirinya untuk memiliki kekuatan rohani keagamaan, pengendalian diri, keperibadian, kebijaksanaan, akhlak mulia, serta kemahiran yang diperlukan bagi diri, masyarakat bangsa dan negaranya.<sup>18</sup>

Tujuan Pendidikan Nasional yang mana tercantum dalam Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional menyatakan bahawa tujuan Pendidikan Nasional adalah mendidik warganegara supaya beriman dan bertakwa terhadap Tuhan Yang Maha Esa, berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan keterampilan, sihat jasmani dan rohani, memiliki keperibadian yang mantap dan mandiri serta rasa tanggung jawab kemasyarakatan. Sementara itu, Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN 1993-1998) menyatakan tujuan Pendidikan Nasional secara terperinci iaitu mewujudkan peribadi manusia yang maju, tangguh, cerdas/bijak, kreatif, berdisiplin, beretika kerja, profesional, produktif, rasa cinta tanah air, semangat kebangsaan dan kesetiakawanan sosial, kesedaran pada sejarah bangsa dan sikap menghargai jasa para pahlawan serta berorientasi ke masa hadapan.<sup>19</sup>

Dalam tujuan Pendidikan Nasional keimanan dan ketakwaan juga menjadi ciri utama kualiti warganegara Indonesia yang perlu dicapai oleh pendidikan selain beberapa ciri kualiti lainnya. Bahkan menurut Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional (UUSPN) menyatakan bahawa pendidikan agama bersama-sama dengan pendidikan Pancasila dan kewarganegaraan merupakan kurikulum wajib bagi kesemua jenis, aliran, dan jenjang pendidikan. Sejarah pendidikan Indonesia mencatatkan bahawa pendidikan agama Islam dalam bentuk pondok dan madrasah telah pun berlangsung di masyarakat jauh lagi sebelum

<sup>18</sup> Musfiratun Yusuf (2008), *Manajemen Pendidikan*, Pekalongan: STAIN Pekalongan, h. 7.

<sup>19</sup> Djudju Sudjana (1995) *Model Keterpaduan Pendidikan Luar Sekolah dan Pendidikan Sekolah Sebagai Alternatif Penjabaran Sistem Pendidikan Nasional*, Bandung: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan IKIP, h. 11.

Indonesia memperoleh kemerdekaan. Ia sebagai hasil daripada perjuangan para tokoh Islam. Walaupun mereka dalam perjuangannya sering berdepan dengan tantangan dan ugutan dari penjajah Belanda pada ketika itu. Akan tetapi perjuangan itu membawa hasil iaitu suatu pengiktirafan daripada pemerintah bahawa kehadiran lembaga-lembaga pendidikan Islam merupakan pelopor kepada Pendidikan Nasional.<sup>20</sup>

Sama ada secara historik, falsafah mahupun konstitusional status pendidikan agama Islam di Indonesia sangat mapan sebagai bahagian tidak terpisahkan dari Sistem Pendidikan Nasional.<sup>21</sup> Istilah sistem berasal dari bahasa Yunani iaitu *systema* yang membawa pengertian suatu keseluruhan yang tersusun dari pelbagai banyak bahagian (*whole compounded of several parts*). Juga membawa pengertian sebagai hubungan yang berlangsung di antara satuan-satuan atau komponen-komponen secara teratur (*an organized functioning among units or component*). Berdasarkan pada kedua dua pengertian di atas dapatlah ditarik suatu maksud iaitu sistem adalah suatu keseluruhan/keutuhan yang terdiri atas sejumlah bahagian atau komponen yang saling berhubungkait secara teratur dan lazim juga disebut sebagai subsistem. Sistem juga membawa maksud sebagai metod atau kaidah seumpama Sistem Dewey ketika merujuk ke dalam klasifikasi pustaka. Sistem juga membawa maksud organ tubuh manusia secara utuh seumpama sistem syaraf, sistem otak selain makna-makna lainnya.<sup>22</sup> Sistem Pendidikan Nasional sesuai dengan tatanama (nomenclature) adalah suatu sistem yang terdiri dari sejumlah subsistem yang mana secara bersamaan membentuk Sistem Pendidikan Nasional. Kita dapat menunjukkan beberapa subsistem dimaksud, antaranya Pendidikan Pancasila, Pendidikan Kewarganegaraan, Pendidikan Sukan, Pendidikan Agama dan lain-lain. Agar supaya menjadi subsistem dari suatu sistem maka harus mempunyai unsur-unsur yang secara langsung berhubungkait dengan sistem tersebut sehingga kewujudannya ikut menentukan kelengakapan sistem tersebut. Ditinjau dari faktor-faktor pendidikan, maka Sistem Pendidikan Nasional terdiri dari; (1) Peserta didik, (2) Pendidik, (3) Tujuan Pendidikan, (4), Persekitaran Pendidikan, (5) Sarana/alat pendidikan.

Peserta didik ialah merangkumi semua anak Indonesia, pendidik adalah terdiri dari sebahagian warga negara Indonesia, tujuan pendidikan secara amnya adalah membentuk manusia Indonesia seutuhnya yang mana antara ciri utama adalah beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa. Sedangkan persekitaran pendidikan merangkumi wilayah negara Indonesia. Manakala sarana atau alat pendidikan formal dan material adalah merangkumi sekolah, alat-alat pendidikan dan lain sebagainya.

Berdasarkan pada faktor-faktor tersebut maka Pendidikan Islam PERSIS juga memiliki faktor-faktor iaitu peserta didik merangkumi seluruh anak Indonesia yang menganuti Islam. Pendidik adalah sebahagian warganegara Indonesia yang menganuti agama Islam. Tujuan pendidikan membawa maksud beriman dan bertakwa serta menjalankan agama mengikut Islam. Sarana atau alat membawa makna secara amnya sama dengan Pendidikan Nasional iaitu sekolah dan alat-alat pendidikan. Berdasarkan pada huraiyan di atas maka santri (pelajar), para ustaz, tujuan pendidikan Islam, persekitaran Pesantren PERSIS dan sarana kemudahan pesantren di lembaga Pendidikan Islam PERSIS merupakan bahagian dari sistem pendidikan Islam.

<sup>20</sup> H. Ahmad Ludjito (1996), *Pendekatan Integralistik Pendidikan Agama pada Sekolah di Indonesia, Reformulasi Filsafat Pendidikan Islam*, Semarang: Pustaka Pelajar dan Fakulti Tarbiyah IAIN Walisongo, h. 296

<sup>21</sup> Ahmad Ludjito (1998) *PBM-PAI di Sekolah, Eksistensi dan Proses Belajar Mengajar Pendidikan Agama Islam; Pendidikan Agama sebagai Subsistem dan Implementasinya dalam Pendidikan Nasional*, Semarang: Fakulti Tarbiyah IAIN Walisongo, h. 3.

<sup>22</sup> *Ibid.* h. 4.

Selain itu, apabila melakukan perbandingan dengan faktor-faktor yang dimiliki oleh kedua-dua entiti di atas maka semua faktor yang dimiliki Pendidikan Islam PERSIS adalah merupakan bahagian dari Sistem Pendidikan Nasional. Ditinjau secara khas dari aspek tujuan maka tujuan sebenar pendidikan agama Islam adalah merealisasikan makna iman dan takwa kepada Tuhan Yang Maha Esa di dalam Sistem Pendidikan Nasional yang masih abstrak. Ini kerana beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa adalah abstraksi mengikut agama yang diiktiraf di Indonesia. Dengan demikian, maka pendidikan agama Islam merupakan subsistem dari Sistem Pendidikan Nasional. Selain itu pendidikan agama Islam dengan faktor-faktor yang mana wujud di dalamnya merupakan sistem yang memiliki keistimewaan. Kerana akibat logiknya Sistem Pendidikan Nasional tidak sempurna sekiranya tiada wujud sistem pendidikan agama Islam.<sup>23</sup>

Berdasarkan pada huraiān di atas maka dapat difahamkan bahawa pendidikan agama Islam sama ada secara khas maupun secara amnya diselenggarakan di lembaga Pendidikan Islam PERSIS merupakan bahagian dari subsistem Pendidikan Nasional. Lembaga Pendidikan Pesantren PERSIS memainkan peranan selari dengan faktor-faktor Sistem Pendidikan Nasional. Faktor-faktor itu adalah peserta didik (murid), pendidik (guru), tujuan pendidikan, persekitaran pendidikan dan sarana (fasiliti) pendidikan. Kesemua faktor-faktor tersebut dirumuskan di dalam Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS. Pedoman tersebut mengandungi 20 bab dan 34 fasil.

Adapun perkara yang dibincangkan di dalam keseluruhan perbincangan itu adalah berkaitan dengan Peraturan Umum Sistem Pendidikan PERSIS, Visi dan Misi Pendidikan PERSIS, Aliran Pendidikan, Dasar, Fungsi dan Tujuan Pendidikan PERSIS, Hak Memperolehi Pendidikan di Lembaga Pendidikan PERSIS, Unit Aliran dan Jenis Pendidikan, Pendidikan Prasekolah, Syarat dan Tata Cara Penubuhan Lembaga Pendidikan, Administrasi Pendidikan, Struktur Organisasi dan Tanggungjawab, Sumber Pembiayaan Pendidikan, Kurikulum, Medium Bahasa, Evaluasi Pendidikan, Bimbingan dan Kaunseling, Pengurusan dan Pengawasan, Pengembangan Pendidikan, Hukuman (sanksi) dan Ketentuan Penutup.<sup>24</sup>

Berpandukan kepada Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS, maka lembaga Pendidikan PERSIS boleh memainkan peranan yang lebih luas dan berkelangsungan untuk selanjutnya memberikan sumbangannya dalam bentuk pengembangan pembangunan instrumen pendidikan (infrastruktur) dan juga dalam bentuk pelaksanaan kegiatan pendidikan sama ada pendidikan prasekolah, pendidikan dasar pendidikan menengah maupun pendidikan tinggi dari semasa ke semasa. Zamakhsyari Dhofier dalam penjelasannya mengenai hubungan sistem pendidikan Islam dan Pendidikan Nasional menyatakan bahawa pemahaman umat Islam Indonesia tentang pendidikan Islam yang tidak dipengaruhi oleh cakupan (*skop*) dua wilayah sehari-hari mereka hadapi. Wilayah pertama; ialah pendidikan silam yang diperlukan sebagai subjek pelajaran agama Islam bagi pelajar yang belajar di sekolah-sekolah dan perguruan tinggi yang diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan Nasional. Umat Islam Indonesia sepakat bahawa anak-anak mereka yang sedang belajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang bilangannya sekitar 32 juta perlu memperoleh pendidikan agama Islam.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> *Ibid.* h. 5.

<sup>24</sup> *Pedoman Jam'iyyah PERSIS* (2002), Pimpinan Pusat Persatuan Islam, Bandung: PERSIS Press, h. 49.

<sup>25</sup> Zamakhsyari Dhofier (2004) *Sumbangan Visi Islam Dalam Sistem Pendidikan Nasional dalam Mengggagas Paradigma Baru Pendidikan*, editor Sindhunata, Jakarta: Kanisius, h. 222.

Selanjutnya, bahawa sebelum merdeka anak-anak usia sekolah tersebut memperoleh pendidikan agama di surau, masjid dan pesantren-pesantren. Setelah merdeka, kebanyakan guru agama di surau, masjid dan pesantren berhenti mengajar dan bekerja sebagai pegawai atau bernesiga. Kesempatan untuk belajar agama di surau, masjid dan pesantren yang hilang tersebut diusulkan oleh masyarakat kepada kerajaan agar subjek pelajaran agama dijadikan kurikulum formal di sekolah-sekolah rendah dan menengah yang kemudian oleh kerajaan dipersetujui dan diperuntukkan masa belajar selama 2 jam dalam seminggu, subjek pelajaran agama tersebut kemudian dinamakan Pendidikan Agama Islam (PAI).<sup>26</sup> Wilayah perhatian dan pemahaman umat Islam yang kedua: lembaga pendidikan Islam, mula dari lembaga yang paling tradisional sampai kepada lembaga yang sangat moden yang mana mencakupi semua tahapan.

Ruang lingkup pendidikan Islam dalam keduanya wilayah tersebut sejak dasawarsa tujuh puluhan dalam praktik penyelenggaraan pemerintahan adalah dikuatkuasakan ke dalam tiga jenis institusi kerajaan di bawah pengurusan Kementerian Agama, iaitu yang pertama Direktorat Pembinaan Pendidikan agama Islam pada sekolah-sekolah kebangsaan (disingkatkan menjadi Ditbinpaisun). Yang kedua, Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Islam (disingkat menjadi Ditbinruais). Dan yang ketiga Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam (disingkat menjadi Ditbinpertais). Ketiga-tiga direktorat tersebut memegang peranan yang sangat besar, sama ada sebagai penghubung aspirasi masyarakat Islam, terutama penyelenggaraan lembaga-lembaga pendidikan Islam, mahupun sebagai agen kerajaan dalam menemukan kesepakatan antara kerajaan dan umat Islam sampai ke tahap mana pendidikan Islam boleh dan harus mewarnai Sistem Pendidikan Nasional di Indonesia.<sup>27</sup> Setiap bangsa di dunia ini, juga tidak terkecuali Indonesia meletakkan pendidikan sebagai upaya strategik bagi meningkatkan mutu kebudayaan dan tamadunnya sebagai dua perkara yang saling berhubungkait. Pendidikan tanpa berorientasi pada budaya akan menjadi tandus dari nilai-nilai luhur. Sebaliknya kebudayaan tanpa elemen-elemennya yang sedar dan berpelajaran maka pada akhirnya akan memudar menjadi nilai yang tidak berguna dalam sejarah.<sup>28</sup>

Seperti sedia maklum, bahawa Pendidikan Nasional harus dilaksanakan mengikut landasan falsafah kebangsaan (falsafah negara) iaitu Pancasila. Falsafah bangsa merupakan nilai-nilai luhur yang sentiasa disosialisasikan secara berterusan oleh para pentadbir negara. Dalam Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN) perkara ini dikemukakan secara terang.<sup>29</sup> Disebutkan bahawa tujuan utama Pendidikan Nasional adalah meningkatkan kualiti manusia Indonesia yang mencakupi pelbagai segi termasuklah segi-segi keimanan dan ketakwaan. Dengan demikian, Pendidikan Nasional yang berlandaskan kepada dasar negara Pancasila menyasarkan pada pembentukan manusia Indonesia seutuhnya (*holistik*) dan masyarakat

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 222.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 223.

<sup>28</sup> Dedi Djubaedi (1999) *Pemaduan Pendidikan Pesantren-Sekolah: Telaah Teoretis dalam Perspektif Pendidikan Nasional, Pesantren Masa Depan: Wacana Pemberdayaan dan Transformasi Pesantren*, Bandung: Pustaka Hidayah, h. 181.

<sup>29</sup> Pada masa sekarang Garis-garis Besar Haluan Negara (GBHN) tiada sah lagi digunakan. GBHN ditukar menjadi Rencana Pembangunan Jangka Panjang (RPJP). GBHN ditetapkan oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) bagi tempoh masa 5 tahun. Setelah Undang-Undang Dasar 1945 digubal maka berlaku perubahan peranan MPR dan Presiden. Oleh sebab itu, GBHN dinyatakan tiada sah lagi. Sebagai ganti GBHN maka pemerintah menerbitkan Undang-Undang No. 25/2004. Undang-Undang ini mengatur tentang Sistem Perancangan Pembangunan Negara yang mana menyatakan bahawauraian mengenai tujuan pembentukan Republik Indonesia dituangkan dalam Rencana Pembangunan Jangka Panjang (RPJP). Skala waktu RPJP adalah untuk tempoh 20 tahun.

Indonesia keseluruhannya sama ada berkenaan dengan kebijaksanaan, budi pekerti, mahupun kemahiran (skill). Secara teori, kepentingan pendidikan bagi suatu bangsa disebabkan wujudnya beberapa potensi manusia iaitu potensi pedagogi, potensi psikologi, potensi sosiologi dan potensi kultural.<sup>30</sup>

Potensi pedagogik mengikut pada pandangan falsafah pendidikan menyatakan bahawa manusia adalah makhluk yang dapat dan harus dididik. Bahkan Langeveld memperincikan perkara ini ke dalam tiga hakikat manusia iaitu makhluk yang dapat dididik (*educable animal*), makhluk yang harus dididik (*animal educandum*) dan harus mendidik (*animal education*). Potensi psikologi menyatakan bahawa manusia pada asasnya merupakan kesatuan keperibadian yang holistik dan dipandang sebagai psycho-physics-netral iaitu memiliki kemandirian jasmaniah dan rohaniah yang mempunyai potensi dikembangkan melalui proses pendidikan. Potensi sosiologi dan kultural membawa maksud bahawa manusia adalah makhluk Allah s.w.t yang mana merupakan bahagian dari alam semesta. Dalam hal demikian, maka manusia memiliki karakter dan potensi dasar (sifat semula jadi) untuk hidup bermasyarakat (*homo socius*). Selanjutnya, manusia pula akan membentuk kebudayaan. Secara implisit, keadaaan ini menggambarkan wujudnya proses pendidikan yang berlangsung di persekitarannya.

Dengan mengembangkan beberapa potensi di atas, maka pendidikan dipandang penting bukan setakat kerana kebolehmampuan mendidik manusia menjadi cendekiawan melainkan juga kerana hasil, lulusan atau keluaran dari produk pendidikan boleh menjadi pemangkin pada peningkatan bidang ekonomi dan pentadbiran bidang kerajaan. Bertolak dari pandangan tadi maka dapatlah diambil pengertian bahawa Sistem Pendidikan Nasional dalam pelaksanaannya berpegang pada beberapa prinsip iaitu: (1) Pendidikan Nasional menganuti prinsip pendidikan seumur hidup; (2) Pendidikan Nasional menjadi tanggungjawab bersama iaitu tanggungjawab keluarga, masyarakat dan kerajaan; (3) Pendidikan Nasional bermatlamat membentuk manusia Indonesia secara holistik.<sup>31</sup>

Berlandaskan pada Pendidikan Nasional, sememangnya proses pendidikan akan bermatlamat sesuai dengan cita-cita dan tahapan-tahapan pembangunan. Kurikulum Pendidikan Nasional disusun berdasarkan realiti masyarakat dan kerangka ideologi untuk dijadikan pedoman secara konsisten. Dalam hal ini, peranan masyarakat perlu diambil perhatian secara serius. Manakala sebagai objek pendidikan, masyarakat pula menjadi subjek pendidikan.

Pendidikan merupakan fungsi manusia dan masyarakat bagi mengembangkan dan meningkatkan potensi dirinya, martabatnya dan keperibadiannya. Implementasi Pendidikan Nasional pada hakikatnya sentiasa mengintegrasikan dengan program-program pembangunan di pelbagai bidang tetapi dengan mengambil keutamaan pada: (1) tujuan Pendidikan Nasional bukan setakat meningkatkan kebijaksanaan dan kemahiran akan tetapi juga meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t, mempertinggi budi pekerti (akhlak), memperkuuh keperibadian dan memperkuuhkan semangat kebangsaan dan cinta tanah air; (2) mengingatkan bahawa pendidikan bukan setakat berlangsung di sekolah tetapi juga berlangsung di dalam lingkungan keluarga serta masyarakat. Oleh kerana itu, pendidikan tidak menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak kerajaan melainkan juga menjadi


---

<sup>30</sup> *Ibid.* h. 182.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 83.

tanggungjawab pihak masyarakat sama ada secara individual maupun kolektif; (3) pendidikan lebih mementingkan kepada cara menangkap ikan daripada semata-mata prinsip memberi ikan; (4) mengambil keutamaan supaya pada setiap tahapan pendidikan mengintegrasikan pendidikan berfikir dengan pendidikan kemanusiaan (*humaniora*) iaitu aliran kajian yang berusaha menginterpretasikan makna hidup manusia di dunia seperti falsafah, sejarah, bahasa dan sastera, seni dan teologi; (5) meningkatkan kelapangan kesempatan memperoleh pendidikan dan dalam masa sama memenuhi matlamat keperluan negara untuk mengisi pembangunan di pelbagai bidang dengan sistem bimbingan yang berkesan dan terintegrasi khasnya pada bidang pendidikan dasar dan bidang vokasional.<sup>32</sup> Di bawah ini pengkaji tunjukkan beberapa data graf rekapitulasi perkembangan dan pertumbuhan pendidikan dasar dan pendidikan menengah PERSIS sebagai papan ukur sumbangan nyata pendidikan PERSIS dalam Pendidikan Nasional.

**Graf 1**  
**Rekapitulasi Data Perkembangan Pendidikan Dasar dan Menengah**  
**Pesantren Persatuan Islam Tahun 2006 – 2010**




Sumber : Laporan Pertanggungjawaban Pimpinan Pusat PERSIS tahun 2006-2010

**Graf 2**  
**Rekapitulasi Data Sarana dan Prasarana**  
**Pesantren Persatuan Islam Tahun 2001 – 2010**


<sup>32</sup> Andi H. Gunawan (1986) *Kebijaksanaan-kebijaksanaan Pendidikan di Indonesia*, Dedi Djubaedi (1999), *Pemaduan Pendidikan Pesantren-Sekolah: Telaah Teoretis dalam Perspektif Pendidikan Nasional, Pesantren Masa Depan: Wacana Pemberdayaan dan Transformasi Pesantren*, Bandung: Pustaka Hidayah, h. 184.

*Contribution of PERSIS on Islamic education in Implementation of National Education in West Java, Indonesia*



*Sumber : Laporan Pertanggungjawaban Pimpinan Pusat PERSIS 2001-2005 dan Laporan Pertanggungjawaban Pimpinan Pusat PERSIS 2005-2010*

**Graf 3  
Perkembangan Bilangan Santri Persatuan Islam Tahun 2001 - 2010**



*Sumber : Laporan Pertanggungjawaban Pimpinan Pusat PERSIS 2001-2005 dan Laporan Pertanggungjawaban Pimpinan Pusat PERSIS 2005-2010*

## **Kesimpulan**

Kewujudan lembaga Pendidikan Islam PERSIS adalah penting memandangkan lembaga tersebut telah ikut memainkan peranan dan sumbangan yang sewajarnya sejak awal penubuhannya lagi. Peranan dan sumbangan lembaga Pendidikan Islam PERSIS dalam perspektif pendidikan kebangsaan adalah mengisi ruang dan kesempatan demi menjayakan matlamat pendidikan sama ada Pendidikan Islam mahupun Pendidikan Nasional iaitu ikut mencerdaskan dan mendidik anak-anak bangsa.

Antara peranan PERSIS ialah melaksanakan pembelajaran pada peringkat pendidikan awal, peringkat Pendidikan Dasar, peringkat Pendidikan Menengah dan peringkat Pendidikan Pengajian Tinggi yang mana pada masa sama lembaga pendidikan lain telah pun lebih awal melakukannya. Selain itu, lembaga Pendidikan Islam PERSIS berusaha secara berterusan ikut menjayakan Tujuan Sistem Pendidikan Nasional iaitu ikut mendidik dan mencerdaskan anak-anak bangsa supaya menjadi manusia yang berakhhlak mulia, beriman dan bertakwa.

Lembaga Pendidikan Islam PERSIS juga telah ikut secara aktif melakukan sumbangannya terhadap negara dan masyarakat sama ada dalam bentuk sumbangan pengembangan pembangunan instrumental pendidikan (Infrastruktur), waktu, tenaga, materi mahupun usaha meningkatkan pencapaian lembaga pendidikan Islam PERSIS yang lebih baik, lebih bermutu dan lebih giat dari semasa ke semasa.

## Rujukan

- Abdurahman, Dudung (1962), *Perkembangan Persatuan Islam*, dalam Majalah Risalah edisi Jun.
- Ahmad, Amrullah (1983), *Da'wah Islam dan Perubahan Sosial*, Yogyakarta: Prima Duta
- Amirin, Tatang S. (1996), *Pokok-pokok Teori Pesantren*, Jakarta. Rajawali Press.
- Anas, Dadan Wildan (2000), *Pasang Surut Gerakan Pembaharuan Islam di Indonesia*, Bandung: PERSIS Press Bandung.
- Dedeng Rosyidin (2009), *Konsep Pendidikan Formal Islam*, Bandung, Pustaka Nadvah.
- Dalen, Deobold B. Nan (1993), *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Terj. Abdul Fatah, Selangor: DE-FPI-UPM.
- Daulay, Haidar Putra (2001), *Historisitas dan Eksistensi Pesantren*, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Djudju Sudjana (1995), *Model Keterpaduan Pendidikan Luar Sekolah dan Pendidikan Sekolah Sebagai Alternatif Penjabaran Sistem Pendidikan Nasional*, Bandung, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan IKIP.
- Descombe Martin (1998), *The Good Research Guide*, Buckingham, Open University Press.
- Dofier, Zamakhsyari (1994), *Tradisi Pesantren*, Jakarta: LP3ES
- Fachry Ali & Bachtiar Effendi (1986), *Merambah Jalan Baru Islam; Rekonstruksi Pemikiran Islam Indonesia Masa Orde Baru*, Bandung: Mizan.
- Fauzi, Nur Wahid (1988), *K.H.E. Abdurrahman; Peranannya dalam Organisasi PERSIS*, Jakarta: Skripsi IAN Jakarta.
- Fedderspiel, Howard M. (1970), *Persatuan Islam: Islamic Reform In Twentieth Century Indonesia*, New York: Cornell University.
- Gall, M.D. (1996), *Educational Research An Introduction*, New York: Longman.
- Gazalba, Sidi (1970), *Pendidikan Umat Islam*, Jakarta: Bharata.
- Geertz, Clifford (1981), Abangan, Santri, Priyayi, Jakarta: Pustaka Jaya.
- Gibb, H.A.R. (1978), *Aliran-Aliran Modern Dalam Islam*, Terj. Machoun Husein, Jakarta: CV. Rajawali.
- Gottschalk, Lous (1985), *Mengerti Sejarah*, Terj. Nugroho Notosusanto, Jakarta: UI
- Hadi, Sutrisno (1989), *Metodologi Riset Jilid I-II*, Yogyakarta: Andi Offset.
- Hafidhuddin, Didin (1998) *Dakwah Aktual*. Jakarta: Gema Insan
- Hamid, Hamdani (2002), *Persatuan Islam dan Usaha Pembaharuan Pendidikan*, Bandung: CV. Dasita Bandung.
- Hamilton, Peter (1990), *Talcot Parson dan Pemikirannya; Sebuah Pengantar*, Terj. Hartono Hadikusumo, Yogyakarta: PT. Tiara Wacana.
- Hamka (1961), *Pengaruh Muhammad Abdurrahman di Indonesia*, Jakarta: Tintamas.
- Hasjmy, A. (1974), *Dustur Da'wah Menurut Islam*, Jakarta: Bulan Bintang
- Hasyimi (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Bandung: Al-Maarif.
- Hayat, Atip Latiful (1997), *Sambutan Ketua Umum PP Pemuda PERSIS*, Bandung: Makalah, 30 November.
- Kamus Dewan (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartodirjo, artono (1982), *Pemikiran dan Perkembangan Historiografi Indonesia; Suatu Alternatif*, Jakarta: Gramedia.
- Khaeruman, Badri (2002), *Pembaharuan Islam Dalam Perspektif Pemikiran Keagamaan Persatuan Islam*, Bandung: Thesis IAIN Bandung.
- Koentjaraningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia.
- Lacomte & Goets (1984), *Ethnography and Qualitative Design in Education Research*, London: Academic Press Inc.
- Langgulung, Hassan (1986), *Manusia dan Pendidikan*, Jakarta: Pustaka Husna.

- \_\_\_\_\_ (1985), *Pendidikan dan Peradaban Islam*, Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- \_\_\_\_\_ (1988), *Asas-asas Pendidikan Islam*, Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Lincoln, Yvonna S. & G. Guba, Egon (1985), *Naturalistic Inquiry*, Beverly Hills: Sage Publication.
- Musfiratun Yusuf (2008), *Manajemen Pendidikan*, Pekalongan, STAIN Press.
- Maarif, A. (1985), *Studi tentang Percaturan dalam Konstituante: Islam dan Masalah Ketatanegaraan*, Jakarta: LP3ES.
- Madjid, Nurcholis (1997), *Bilik-Bilik Pesantren Sebuah Potret Perjalanan*, Jakarta: Paramadina.
- Mangkusasmoro, Prawoto (1970), 81), *Pertumbuhan Historis, Rumus Dasar Negara dan Sebuah Proyeksi*, Jakarta: Hudaya.
- Marshal, Katherine (1995), *Design Qualitative Research*, California: Sage Publication.
- Mastuhu (1994), *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*, Jakarta: Inis.
- Mintadiredja, H.M.S (1970), *Islam dan Politik Islam dan Negara Indonesia*, Jakarta: PT. Septianus.
- Mochtar, Maksum (1999), *Pesantren Masa Depan, dalam Said Aqiel Siradj*, Jakarta: Pustaka Hidayah.
- Moleong, Lexy J. (2000), *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Bandung: Rosda Karya.
- Morgan, Kennet W. (1980), *Islam Jalan Lurus*, Terj. Abu Salamah, Jakarta: Pustaka Jaya.
- Muchtar, Abdul Latief (1998), *PERSIS dari Masa ke Masa, dalam Gerakan Kembali ke Islam*, Bandung, PT. Remaja Rosdakarya.
- Muchtarom, Zaini (1988), *Santri dan Abangan di Jawa*, Jakarta: Inis
- Mughni, Syafiq A. (1994), *Hassan Bandung Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: PT. Bina Ilmu.
- Mukti Ali, Muhammad (1971), *Alam Pikiran Islam Modern di Indonesia*, Yogyakarta: Hide.
- Mulyanudin, Asep (1991), *Peranan Persatuan Islam dalam Membendung Pengaruh Komunisme terhadap Masyarakat Muslim Indonesia 1950-1965*, Bandung, Skripsi IAIN Bandung.
- Nasution (1985), *Penelitian Kualitatif Naturalistik*, Bandung: Jemmars.
- Nasution, Harun (1974), *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*, Jakarta: Bulan Bintang.
- \_\_\_\_\_ (1975), *Pembaharuan dalam Islam*, Jakarta: Bulan Bintang
- Natsir, Mohammad (1984), *Idoelogi Didikan Islam, Kapita Selekta*, Jakarta: Gunung Agung.
- Natsir, Tatang M. (1972), *Di Sekitar Reformasi dan Modernisasi Masyarakat Islam*, Bandung: Al-Maarif
- Noer, Deliar (1994), *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942*, Jakarta: LP3ES.
- \_\_\_\_\_ (1987), *Partai Islam di Pentas Nasional*, Jakarta: Grafiti Press.
- Notosusanto, Nugroho (1984), *Masalah Penelitian Sejarah Kontemporer*, Jakarta: Idayu Press.
- Pedoman Sistem Pendidikan PERSIS (1996), Bandung: PERSIS Press.
- Pijper, G.F. (1984), *Beberapa Studi Tentang Sejarah Islam di Indonesia 1900-1950*, Terj. Tudjimah, Jakarta: UI Pres.
- Poesponegoro (1984), *Sejarah Nasional Indonesia Jilid III*, Jakarta: Balai Pustaka.
- Prasodjo, Soejoko (1985), *Profil Pesantren*, Jakarta: LP3ES.
- Qanun Asasi dan Qanun Dakhili Persatuan Islam (1991), Bandung: Pimpinan Pusat PERSIS
- Saefudin, U.A. (1996), *Fiqhud Da'wah K.H.E. Abdurrahman*, Bandung: TB. Al-Huda.
- Soekmono (1985), *Pengantar Sejarah Kebudayaan Indonesia Jilid III*, Yogyakarta: Kanisius.